

02/01/1997

Duta tekad terus berkhidmat

Kamal Ahmad

KUALA LUMPUR, Rabu - Duta Malaysia ke Peru, Ahmad Mokhtar Selat, yang dibebaskan daripada tawanan segerombolan gerila Peru di Lima akan kembali ke negara itu untuk menyambung tugasnya selepas berehat.

Menurutnya, beliau tidak bimbang bertugas semula di negara berkenaan malah bertekad meneruskan khidmatnya di bidang diplomatik sehingga bersara.

Beliau yang ditemui sejurus tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz di sini, berkata pengalaman menjadi tawanan gerila Pergerakan Revolusi Tupac Amaru (MRTA), selama 12 hari di kediaman Duta Jepun di Lima, adalah pengalaman yang tidak akan dilupakan.

Bagaimanapun, beliau selaku pegawai Wisma Putra menyifatkan peristiwa menjadi tebusan pada 17 Disember sebelum dibebaskan 29 Disember lalu, sebagai cabaran dan risiko yang perlu dihadapi pegawai diplomatik.

"Saya harap tidak ada kawan saya yang akan mengalami pengalaman pahit ini. Bagi saya ini satu cabaran dan risiko yang perlu diambil oleh pegawai Wisma Putra kerana apabila bertugas di luar negeri, kadang-kadang sistem politik negara itu berlainan.

"Kita harus berpindah-randah, tetapi demi negara kita harus bertugas sepenuhnya," katanya dalam sidang akhbar selepas bertemu sanak-saudaranya di Bilik VIP lapangan terbang itu tengah hari ini.

Beliau yang diiringi isterinya, Jelialah Ghalim; anak perempuannya, Melor Hidayah; Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi; dan Duta Malaysia ke Brazil, Datuk Zainal Abidin Zain, tiba di sini kira-kira jam 1 petang selepas perjalanan selama 30 jam dengan pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) dari Los Angeles.

Kira-kira 100 orang yang terdiri daripada saudara mara dan sahabat handai beliau serta pegawai Wisma Putra berada di bilik VIP Terminal Satu lapangan terbang itu untuk menyambut ketibaan mereka.

Turut hadir ialah Pemangku Menteri Luar, Datuk Abu Hassan Omar; Ketua Setiausaha, Datuk Abdul Halim Ali; dan Duta Peru ke Malaysia, Jorge Bayona Medina.

Mokhtar berkata, beliau akan menulis pengalamannya menjadi tawanan gerila MRTA itu berdasarkan catatan yang ditulis dalam buku catatan hariannya.

"Saya sangat gembira selepas 12 hari hilang kebebasan dan kini saya menikmati kebebasan kembali. Saya bersyukur kepada Allah kerana melindungi saya selama tempoh itu.

"Saya juga ucapkan terima kasih kepada kerajaan Malaysia, terutamanya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atas keprihatinan yang diberikan kepada saya.

"Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada pegawai kerajaan dan agensinya yang berusaha membebaskan saya. Terima kasih juga kepada seluruh rakyat Malaysia yang mendoakan pembebasan saya," katanya.

Beliau dijangka pulang ke kampungnya di Juaseh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan untuk menghadiri majlis doa selamat, malam esok.

Selain itu, Mokhtar menyatakan hasratnya bercuti beberapa ketika sebelum kembali menyambung tugasnya di Lima, Peru.

"Peristiwa ini juga memberikan saya semangat untuk terus bertugas dengan Kementerian Luar Negeri setelah terbabit dalam hal diplomatik sejak 25 tahun lalu dan akan bersara dengan kementerian ini juga," katanya.

Terdahulu, beliau optimis akan dibebaskan cuma bergantung kepada faktor

masa. Sepanjang menjadi tebusan, Mokhtar mengakui seseorang itu perlu mempunyai ketahanan mental dan mengawal diri kerana jika tidak seseorang itu akan mengalami tekanan jiwa sekali gus melemahkan semangat dan jatuh sakit.

"Sebenarnya, ada pepatah Melayu - hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri; lebih baik di negeri sendiri. Tetapi kita di Malaysia tidak ada hujan batu, tetapi hujan emas," katanya.

(END)